



Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pesanan Belian

- Penerimaan Perjanjian:** Terma-terma dan syarat-syarat Pesanan Belian ini, borang pesanan belian, perjanjian bekalan produk (jika ada) dan mana-mana ekshibit dan/atau jadual yang dilampirkan pada dokumen-dokumen tersebut menjadikan keseluruhan perjanjian (“Perjanjian”) antara pihak-pihak dan menggantikan semua perundingan dan komunikasi dahulu. Pengakuan Penjual atau penghantaran barangan, bahan-bahan, peralatan, bekalan, perkhidmatan dan/atau kerja, seperti yang dinyatakan pada borang pesanan belian Pembeli (secara kolektif, “Barangan”), akan dianggap sebagai penerimaan Perjanjian ini oleh Penjual, dan Perjanjian ini dengan nyata menghadkan penerimaan Penjual kepada syarat-syarat Perjanjian ini. Pembeli dan “Ahli Gabungan” yang ditakrifkan sebagai entiti yang mengawal, dikawal oleh atau di bawah kawalan bersama dengan Pembeli, boleh membeli Barangan di bawah Perjanjian ini.
- Penghantaran:** Penghantaran hendaklah dibuat dalam kuantiti dan pada masa yang ditetapkan di dalam borang pesanan belian. Pembeli tidak bertanggungjawab untuk membayar Barangan yang dihantarkan kepada Pembeli yang melebihi kuantiti yang ditetapkan atau yang di luar tarikh penghantaran yang diperlukan. Semua pembayaran akan berdasarkan berat atau bilangan Pembeli. Masa adalah intipati untuk pelaksanaan semua obligasi dalam Perjanjian ini oleh Penjual. Jika pada bila-bila masa Penjual mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa penghantaran tidak akan dibuat mengikut jadual, Penjual akan memberitahu Pembeli dengan segera sebab dan tempoh kelewatan yang dijangkakan.
- Pengangkutan:** Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam borang pesanan belian, Penjual akan menghantar semua Barangan DDP (Incoterms® 2010) ke destinasi yang dipilih oleh Pembeli, di mana hakmilik akan berpindah kepada Pembeli. Penjual mesti membungkus, menananda dan menghantar semua Barangan dengan menurut secara ketat kepada Manual Keperluan Pembekal yang boleh didapati di <https://gsn.gates.com>. Penjual akan mematuhi semua peraturan eksport negara pengeluaran dan semua peraturan agensi kastam atau jabatan negara pengimport tersebut. Semua slip pembungkusan, invoice dan/atau bil muatan (*bills of lading*) hendaklah mempamerkan nombor pesanan belian dan nombor pakej pengirim. Semua bil muatan (*bills of lading*) atau resit nyata yang asal mesti dihantar ke Pembeli dengan segera selepas penghantaran. Pembeli berhak untuk menolak mana-mana penghantaran C.O.D., Barangan yang dihantar secara wesel atas unjuk (*sight draft*), dan yang tidak disertakan dengan dokumentasi sesuai.
- Pembayaran, Invoice dan Cukai:** Kecuali Perjanjian menyatakan sebaliknya, (a) Pembeli bersetuju untuk membayar Barangan dalam tempoh 90 hari selepas tarikh suatu invoice yang betul dan sah untuk Barangan diterima oleh Pembeli, dan (b) Pembeli akan mengenakan diskaun 1.5% untuk semua invoice yang dibayar dalam tempoh 30 hari selepas akhir bulan kalendar di mana invoice untuk Barangan yang betul dan sah telah diterima oleh Pembeli. Invoice tidak harus ditarikkan sebelum tarikh penghantaran. Penjual akan memasukkan nombor pesanan belian pada semua invoice. Harga Penjual termasuk semua hak kedaulatan, negeri dan jualan tempatan, penggunaan, eksais, nilai tambah, hak istimewa, gaji, pekerjaan dan apa-apa cukai, fi atau duti yang berkenaan dengan Barangan. Semua cukai akan dinyatakan secara berasingan pada invoice, dan setakat mana invoice merangkumi jumlah yang dikenakan cukai dengan jumlah yang tidak dikenakan cukai, apa-apa jumlah yang dikenakan cukai mesti dinyatakan secara berasingan pada invoice. Penjual mesti memastikan bahawa jika apa-apa nilai tambah atau cukai yang serupa akan dikenakan, ia akan dimasukkan dalam invoice menurut peraturan-peraturan berkenaan untuk membolehkan Pembeli menuntut semula tambah nilai atau cukai yang serupa tersebut daripada pihak berkuasa kerajaan yang sesuai. Kedua-dua pihak tidak bertanggungjawab untuk cukai atas pendapatan pihak yang lain. Jika Pembeli dikehendaki oleh peraturan kerajaan untuk memegang cukai yang merupakan tanggungjawab Penjual, Pembeli akan mengenakan potongan cukai pegangan tersebut daripada bayaran kepada Penjual dan memberi Penjual resit cukai yang sah dalam nama Penjual. Jika Penjual dikecualikan daripada cukai pegangan tersebut atas sebab perjanjian cukai atau rejim yang lain, Penjual akan memberi Pembeli sijil residensi perjanjian cukai yang sah atau sijil pengecualian cukai yang lain sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pembayaran perlu dibayar. Tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain, Pembeli berhak untuk menolak atau memotong mana-mana jumlah yang dihutangkan pada bila-bila masa daripada Penjual terhadap mana-mana jumlah yang perlu dibayar oleh Pembeli kepada Penjual dalam Perjanjian ini.
- Jaminan.** Penjual menjamin bahawa Barangan: mematuhi taraf berkenaan, spesifikasi dan lukisan; boleh diperdagangkan; adalah sesuai untuk tujuan tertentu yang Barangan tersebut akan digunakan; adalah bebas daripada kecacatan dalam bahan dan mutu kerja; dan mengikut apa-apa jaminan nyata lain oleh Penjual terhadap Pembeli. Jika Penjual bertanggungjawab untuk rekabentuk Barangan, Penjual jamin bahawa Barangan akan sesuai untuk digunakan oleh Pembeli, termasuk pemasangan produk muktamad oleh Pembeli. Kelulusan bertulis Pembeli untuk rekabentuk yang diberi oleh Penjual tidak akan melegakan Penjual daripada obligasinya dalam jaminan ini dan Penjual menyetepikan semua pembelaan kekurangan pergantungan. Penjual bertanggungjawab terhadap semua kerosakan kepada Pembeli dan mana-mana pihak ketiga akibat daripada pelanggaran jaminan-jaminan ini. Jaminan yang disebutkan di atas adalah tambahan kepada apa-apa jaminan lain yang lazimnya dibuat oleh Penjual dan apa-apa jaminan tersirat berdasarkan undang-undang.
- Kawalan Kualiti:** Penjual mesti memenuhi keperluan TS16949, ISO9001, semua peruntukan Manual Keperluan Pembekal Pembeli, Tatakelakuan Pembekal, dan kualiti Pembeli serta spesifikasi lain yang dinyatakan pada borang pesanan belian Barangan. Penjual bersetuju untuk menyediakan dan mengekalkan pemeriksaan dan sistem kawalan kualiti yang meliputi Barangan yang boleh diterima oleh Pembeli. Pembeli dan Penjual bersetuju untuk mengekalkan rekod-rekod semua kerja pemeriksaan dan menjadikannya sedia untuk dikeluarkan tertakluk kepada permintaan pihak berkenaan. Barangan yang tidak mematuhi borang pesanan belian (“Barangan Tidak Berpatuhan”) dan Barangan yang tidak memenuhi keperluan jaminan ataupun telah rosak (“Barangan Rosak”) akan dipulangkan kepada Penjual untuk kredit atas perbelanjaan dan risiko Penjual. Bayaran untuk Barangan atas mana-mana borang pesanan belian tidak akan dianggap sebagai penerimaan oleh Pembeli, dan penerimaan juga tidak akan dianggap sebagai penepian liabiliti Penjual untuk sebarang kerosakan atau ketidakpatuhan.
- Harta Intelek:** Pembeli akan memiliki, dan dengan ini secara eksklusif memiliki, semua hak dalam idea-idea, penemuan, ciptaan, karya asal pengarang, strategi, pelan dan data yang dicipta atau adalah akibat daripada pelaksanaan Penjual dalam mana-mana borang pesanan



Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pesanan Belian

belian Pembeli, termasuk semua hak paten, hakcipta, hak moral, hak dalam maklumat proprietari dan rahsia perdagangan, hak pangkalan data, hak tanda dagangan, *mask works*, dan hak harta intelek yang lain. Semua harta intelek yang boleh dilindungi oleh hakcipta akan dianggap sebagai kerja yang boleh dipindahkan kepada Pembeli di bawah seksyen 27 Akta Hakcipta 1987. Penjual bersetuju untuk mendedahkan semua harta intelek tersebut dengan segera kepada Pembeli setelah dicipta. Jika oleh sebab penguatkuasaan undang-undang terdapat mana-mana harta intelek yang tidak dimiliki sepenuhnya oleh Pembeli secara automatik selepas dicipta, maka Penjual bersetuju untuk memindahkan and menyerahkanhakkankepada Pembeli, dan dengan ini memindahkan dan menyerahkanhakkankepada Pembeli, hak, hakmilik dan kepentingan di seluruh dunia harta intelek tersebut secara sepenuhnya.

8. **Maklumat Sulit:** Penjual memahami bahawa Pembeli menganggap semua maklumat yang dihantar oleh Penjual kepada Pembeli, dalam sebarang bentuk, adalah sulit dan proprietari (“Maklumat Sulit”). Semua Maklumat Sulit, termasuk harta intelek, adalah milik Pembeli dan mesti dikembalikan kepada Pembeli (atau dimusnahkan dengan pengesahan bertulis tentang pemusnahan tersebut) dengan segera atas permintaan Pembeli. Penjual bersetuju untuk mengekalkan kerahsiaan maklumat tersebut selama-lamanya kecuali jika maklumat tersebut: (a) ialah atau telah menjadi pengetahuan awam selain daripada melalui pendedahan yang tidak dibenarkan oleh Penjual; (b) diterima dengan sah tanpa sekatan atas pendedahan daripada pihak ketiga yang mempunyai hak untuk membuat pendedahan tersebut; atau (c) diperlukan untuk didedahkan demi mematuhi kehakiman atau perintah. Maklumat sulit hanya boleh digunakan oleh pekerja-pekerja Penjual yang perlu menerimanya demi memenuhi obligasi Penjual dalam Perjanjian ini. Penjual dilarang daripada memfailkan permohonan paten berdasarkan Maklumat Sulit. Penjual bertanggungjawab bagi apa-apa pendedahan Maklumat Sulit oleh pekerja-pekerjanya.
9. **Pembatalan:** Pembeli berhak untuk membatalkan semua atau mana-mana bahagian borang pesanan belian tanpa membuat bayaran atau liabiliti selanjutnya jika Penjual melanggar mana-mana syarat Perjanjian ini, atau jika, dalam budi bicara munasabah Pembeli menentukan bahawa penghantaran tepat pada masa menurut borang pesanan belian adalah terancam. Pembeli berhak untuk membatalkan semua atau mana-mana bahagian borang pesanan belian untuk kemudahan dengan notis bertulis kepada Penjual. Jika pembatalan adalah atas sebab kemudahan, Pembeli akan membayar tuntutan Penjual yang disahkan untuk: (a) Barangan menurut borang pesanan belian yang telah dihantar dan belum dibayar; (b) apa-apa baki yang belum dibayar untuk Harta Pembeli; (c) Barangan siap mengikut borang pesanan belian dan dihasilkan menurut jadual penghantaran atau pelepasan Pembeli tetapi belum dihantar; dan (d) kos sebenar yang ditanggung untuk kerja-kerja dalam proses dan bahan-bahan mentah yang dipesan mengikut jadual penghantaran atau pelepasan Pembeli yang tidak boleh digunakan oleh Penjual untuk menghasilkan barangan untuk sendiri atau pelanggan lain. Bayaran di bawah perenggan ini adalah tertakluk kepada penerimaan Pembeli akan (i) semua dokumentasi Penjual yang telah disahkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pembatalan, (ii) Barangan yang telah siap dan yang belum disiapkan, (iii) Harta Pembeli, dan (iv) kerja dalam proses dan bahan-bahan mentah. Sebarang pembatalan Perjanjian ini tidak mengecualikan Penjual daripada melaksanakan apa-apa obligasi yang berakru sebelum pembatalan tersebut.
10. **Harta Pembeli:** Apa-apa harta, termasuk tetapi tidak terhad kepada peralatan, alat-alat, lengkapan, acuan, jig, corak, tolok atau bahan-bahan, dilengkapi sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh Pembeli kepada Penjual yang berkaitan dengan Perjanjian ini, atau yang Pembeli membeli daripada, atau membayar balik kepada Penjual secara keseluruhan atau sebahagian (secara kolektif “Harta Pembeli”) adalah hakmilik tunggal Pembeli dan akan dipegang oleh Penjual secara bailmen. Penjual bersetuju bahawa Pembeli mempunyai hak, pada bila-bila masa, untuk mengambil kembali pemilikan Harta Pembeli. Semasa bawah jagaan atau kawalan Penjual, Penjual menanggung risiko kerugian, kecurian dan kerosakan kepada Harta Pembeli. Penjual bersetuju untuk memastikan Harta Pembeli bebas daripada semua lien dan bebanan dan menginsuranskan Harta Pembeli daripada kerugian atau kemusnahan. Penjual akan secara kekal menandakan semua Harta Pembeli sebagai “Harta Pembeli”. Penjual akan (a) menggunakan Harta Pembeli hanya demi pelaksanaan Perjanjian ini, (b) tidak akan menganggap Harta Pembeli sebagai harta peribadi; (c) tidak akan memindahkan Harta Pembeli dari alamat yang tertera pada borang pesanan belian tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pembeli, dan (d) tidak akan menjual, memindahkan atau membuang Harta Pembeli tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pembeli. Pembeli berhak untuk memasuki premis Penjual pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa Harta Pembeli dan rekod-rekod Penjual yang berkenaan.
11. **Peralatan Pengeluaran:** Penjual dengan menggunakan perbelanjaan sendiri mesti memberi, dalam keadaan yang baik dan menggantikan jika perlu, semua peralatan, acuan, alat-alat, tolok, lengkapan, corak atau barang-barang lain yang diperlukan untuk menghasilkan Barangan tersebut (“Peralatan Pengeluaran”). Pembeli berhak untuk mengambil milik dan hakmilik mana-mana Peralatan Pengeluaran yang khususnya untuk menghasilkan Barangan, melainkan jika Barangan adalah produk piawai Penjual, atau jika kuantiti Barangan serupa yang besar dijual oleh Penjual kepada orang lain.
12. **Perubahan Kepada Spesifikasi:** Pembeli berhak untuk membuat perubahan dalam rekabentuk dan spesifikasi untuk mana-mana Barangan. Perbezaan harga atau masa untuk perlaksanaan akibat perubahan tersebut akan diselaraskan secara saksama, dan borang pesanan belian akan dipindahkan sewajarnya.
13. **Tanggung Rugi:** Penjual akan mengganggu rugi, mempertahankan dan melindungi Pembeli dan Ahli-Ahli Gabungannya, dan pegawai-pegawai, pengarah-pengarah, perkerja-pekerja dan pelanggan-pelanggan entiti tersebut (secara kolektif “Pihak Dilindungi”) daripada sebarang dan semua permintaan, tuntutan (termasuk tuntutan untuk kecederaan badan dan/atau kematian), ganti rugi, tindakan, penghakiman, denda, penalti, kerugian, perbelanjaan, kos (termasuk fi peguam yang munasabah dan kos mahkamah), dan fi (termasuk fi kastam untuk import dan eksport) yang mungkin ditegaskan terhadap mana-mana Pihak Dilindungi atau yang mungkin akan menjadi bertanggungjawab mana-mana Pihak Dilindungi akibat: (a) apa-apa perbuatan atau peninggalan yang cuai atau sengaja oleh Penjual, pekerja-pekerjanya, agen-agensya atau subkontraktornya; (b) pelaksanaan atau ketaklaksanaan Penjual bawah Perjanjian ini; (c)



Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pesanan Belian

Barangan Rosak; (d) kegagalan Penjual untuk melampirkan amaran keselamatan yang diperlukan pada Barangan atau memberi arahan penggunaan yang mencukupi; (e) penggunaan Barangan oleh Pihak Dilindungi; dan (f) pelanggaran sebenar atau dituduh, atau pujukan untuk melanggar, sebarang paten, tanda dagang, hakcipta, *mask work*, atau hak harta intelek yang lain oleh sebab pembuatan, penggunaan, penawaran untuk jualan, jualan atau pengimportan Barangan. Perenggan ini tidak mewajibkan Penjual untuk menanggung rugi Pihak Dilindungi untuk kecederaan atau ganti rugi yang disebabkan semata-matanya oleh kecauaian Pihak Dilindungi.

14. **Insurans:** Penjual menyatakan bahawa mereka mempunyai polisi insurans berkuatkuasa yang berikut: (a) insurans perdagangan liabiliti am dan liabiliti produk, dengan pembawa-pembawa yang boleh diterima oleh Pembeli, dalam amaun minimum dua juta dolar (U.S. \$2,000,000) setiap kejadian setiap tahun dengan amaun agregat minimum 5 juta dolar (U.S. \$5,000,000) setahun; dan (b) insurans pampasan pekerja atau imsurans pampasan lain yang serupa dalam amaun yang diperlukan oleh undang-undang. Pembelian sebarang insurans atau pemberian sijil oleh Penjual tidak dalam apa-apa cara menghadkan liabiliti Penjual di bawah ini atau dalam mana-mana cara mengubahkanobligasi Penjual terhadap Pembeli atau mana-mana Pihak Dilindungi. Penjual akan memberi sijil insurans kepada Pembeli yang (x) menunjukkan bahawa polisi-polisi tidak akan ditukar atau ditamatkan tanpa memberi Pembeli sekurang-kurangnya tiga puluh hari pemberitahuan secara bertulis terdahulu, (y) Pembeli dinamakan sebagai pengambil insurans tambahan untuk polisi perdagangan liabiliti am dan liabiliti produk, dan (z) menunjukkan bahawa penanggung insurans mengetepikan semua hak subrogasi terhadap Pembeli.
15. **Remedi:** Penjual akan membayar atau membayar ganti kepada Pembeli semua ganti rugi, kerugian, perbelanjaan, perbelanjaan luar jangka, penalti dan kos pentadbiran dan apa-apa caj lain yang ditanggung oleh Pembeli yang timbul daripada atau adalah berkaitan dengan: (a) apa-apa Barangan Tidak Patuh atau Rosak, (b) produk yang menggunakan Barangan Tidak Patuh atau Rosak yang dijual oleh Pembeli kepada mana-mana pelanggan, termasuk pembaikan dan penggantian produk tersebut; (c) ketidakupayaan Penjual untuk memenuhi jadual atau keperluan penghantaran; dan (d) kegagalan Penjual untuk mematuhi setiap terma Perjanjian ini. Atas permintaan Pembeli, Penjual akan menyerahkan apa-apa jaminan atau hak ditanggungrugi yang dimiliki oleh Penjual dengan pembekal-pembekal/pengeluar-pengeluar Penjual. Remedi yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini adalah kumulatif dan tambahan kepada mana-mana remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang atau ekuiti.
16. **Perkhidmatan Di Tapak:** Ketika bekerja di premis Pembeli, pekerja-pekerja Penjual akan mematuhi semua polisi, kaedah-kaedah dan peraturan keselamatan syarikat Pembeli, dan Penjual akan memastikan pekerja-pekerja Penjual menandatangani apa-apa borang yang diperlukan oleh Pembeli atas sebab-sebab kerahsiaan, keselamatan dan pentadbiran. Jika kelulusan secara bertulis didapatkan oleh Pembeli terlebih dahulu untuk mana-mana perkhidmatan, Pembeli akan membayar balik kepada Penjual perbelanjaan sebenar dan munasabah yang ditanggung (tanpa *mark-up*) oleh Penjual secara langsung berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan Penjual.
17. **Pematuhan Undang-Undang.** Penjual merepresentasi dan menjamin bahawa Penjual mematuhi, dan dan semua Barangan telah mematuhi, semua "Undang-Undang Berkaitan". "Undang-Undang Berkaitan" ini termasuk semua undang-undang berhubung dengan buruh dan pekerjaan (termasuk gaji dan undang-undang buruh kanak-kanak), keselamatan pekerja, privasi data, perlindungan pengguna, perlindungan alam sekitar, operasi perniagaan, perlesenan, dan pemberian kuasa, pengezonan, import/eksport, penghantaran, tanpa diskriminasi, dan undang-undang anti-rasuah termasuklah Akta Rasuah Asing Amerika Syarikat 1977 (*United States Foreign Corrupt Practices Act of 1977*), Akta Rasuah United Kingdom 2010 (*UK Bribery Act of 2010*) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Atas permintaan, Penjual bersetuju untuk membekalkan Pembeli dengan bukti pematuhan tersebut dalam apa-apa bentuk yang diperlukan Undang-Undang Berkaitan dan yang Pembeli difikirkannya perlu. Sekiranya Barangan dihantar ke atau dihasilkan di Amerika Syarikat, Seksyen 202 Perintah Eksekutif 11246 (*Executive Order 11246*) (sebagaimana yang dipinda) adalah diperuntukkan dengan rujukan ini. *Untuk penduduk Quebec sahaja:* Ia adalah niat yang nyata oleh pihak-pihak kepada Perjanjian ini bahawa Perjanjian ini dan semua dokumen berkaitan didrafkan dalam Bahasa Inggeris.
18. **Keselamatan Rantaian Bekalan.** Jika Barangan dihantar merentasi sempadan antarabangsa, Penjual bersetuju untuk mematuhi dan mengekalkan pematuhan berdasarkan garis panduan program-program keselamatan rantai bekalan negara pengimport yang berkenaan, contohnya, untuk penghantaran Amerika Syarikat, Perkongsian Kastam-Perdagangan menentang Keganasan (CTPAT); untuk penghantaran ke Kanada, Mitra Perlindungan (PIP).
19. **Liabiliti Pembeli:** Dalam apa jua keadaan pun, liabiliti Pembeli untuk apa-apa pelanggaran, pelanggaran yang dituduhkan atau pembatalan Perjanjian ini tidak akan melebihi jumlah harga yang dipaparkan pada pesanan belian yang berkenaan, dan Pembeli juga tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa ganti rugi punitif, khas, tidak langsung, sampingan atau berbangkit hasil dari sebarang pelanggaran, pelanggaran yang dituduhkan atau pembatalan.
20. **Pengiklanan:** Penjual tidak boleh mengiklankan atau menerbitkan melalui apa-apa cara kewujudan atau terma-terma Perjanjian ini, hubungan antara pihak-pihak, atau bahan-bahan yang berkaitan dengan Pembeli tanpa mendapat kebenaran secara bertulis oleh Pembeli terlebih dahulu.
21. **Force Majeure:** Setiap pihak hendaklah dikecualikan daripada liabiliti bagi kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan apa-apa obligasi di bawah Perjanjian ini yang disebabkan oleh apa-apa kejadian di luar kawalan munasabah pihak tersebut, termasuk cuaca, gangguan awam, tindakan pihak berkuasa awam atau tentera, atau bencana alam. Pengecualian daripada liabiliti ini hendaklah berkuatkuasa hanya setakat mana tempoh kejadian yang menyebabkan kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan Perjanjian ini dan dengan syarat bahawa kejadian tersebut bukannya disebabkan oleh pihak tersebut. Notis kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan oleh satu pihak disebabkan oleh kejadian *force majeure* perlu diberikan kepada pihak yang satu lagi dalam tempoh tiga (3) hari kalendar selepas kejadian tersebut berlaku. Sekiranya terdapat kekurangan atau kekangan lain terhadap keupayaan Penjual untuk memenuhi permintaan bagi Barangan (sebagai contoh, penutupan kemudahan, masalah pengangkutan, dan lain-lain), Penjual bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah bekalannya yang sedia ada antara Pembeli dan pelanggan-pelanggan lain Penjual secara adil dan saksama.



Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pesanan Belian

22. **Penyerahhakan:** Penjual tidak boleh menyerahkan secara keseluruhan atau sebahagian Perjanjian ini tanpa kebenaran bertulis Pembeli terlebih dahulu. Pembeli boleh pada bila-bila masa menyerahkan, memindah, mencagar, subkontrak atau berurusan apa jua cara yang lain terhadap semua atau mana-mana hak atau obligasinya di bawah Perjanjian ini.
23. **Hubungan Kontraktor Bebas:** Setiap pihak adalah bertindak sebagai kontraktor bebas kepada satu sama yang lain, dan tiada pihak yang layak untuk mendapatkan manfaat insuran pengangguran di bawah Perjanjian ini. Tiada pihak yang akan diberikan apa-apa hak atau kuasa untuk memegang atau untuk mewujudkan obligasi atau tanggungjawab, secara nyata atau tersirat, bagi pihak atau atas nama pihak yang lain.
24. **Kebeterusan:** Selain daripada apa-apa terma lain di mana konteksnya memerlukan yang sedemikian, terma-terma yang terkandung di dalam seksyen-seksyen 5, 6, 7, 8, 9, 10, 13, 15, 19, 24, 25, 26 dan 27 akan terus kekal setelah sebarang pembatalan suatu pesanan belian atau penamatan Perjanjian ini.
25. **Pengasingan:** Sekiranya mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini atau apa-apa pesanan belian yang diputuskan tidak boleh dikuatkuasakan oleh seorang penimbangtara atau mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten, peruntukan tersebut akan diubah dan ditafsirkan untuk mencapai objektif peruntukan sedemikian ke tahap sebaik mungkin di bawah Undang-undang Terpakai dan peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.
26. **Tafsiran Perjanjian:** Melainkan yang diperuntukkan sebaliknya dalam Perjanjian ini, Perjanjian ini hanya boleh diubahsuai atau dibatalkan melalui dokumen bertulis yang ditandatangani oleh wakil-wakil yang diberi kuasa oleh kedua-dua pihak. Terma-terma di dalam Perjanjian ini mengawal apa-apa terma dalam apa-apa pengakuan Penjual, invoice, cadangan, quote, kad masa atau dokumen lain yang dikeluarkan dalam pelaksanaan Perjanjian ini. Tiada penepian dalam mana-mana peruntukan Perjanjian ini akan dianggap sebagai penepian mana-mana peruntukan yang lain, sama ada serupa atau tidak, dan tiada apa-apa penepian akan dianggap sebagai penepian berterusan.
27. **Undang-undang Terpakai dan Penyelesaian Pertikaian:** Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kontrak untuk Jualan Barangan Antarabangsa adalah tidak terpakai dalam Perjanjian ini. Perjanjian ini akan ditafsirkan di bawah undang-undang negara, negeri, wilayah atau bidang kuasa tempatan berdasarkan lokasi ibu pejabat Pembeli di negara tersebut. Setiap pihak menyetujui haknya untuk perbicaraan juri berkenaan dengan apa-apa tuntutan atau kausa tindakan yang berasaskan atau yang timbul daripada Perjanjian ini atau hal perkaranya. Pembeli akan mengikut kuasa budi bicara yang munasabah dalam menentukan forum dan kaedah penyelesaian bagi sebarang pertikaian yang berkaitan dengan Perjanjian ini.
28. **Hak Audit:** Pembeli atau wakilnya yang ditetapkan boleh mengikut kuasa budi bicara dan perbelanjaan Pembeli untuk mengaudit, memeriksa dan menguji: Barang; rekod yang berkenaan; inventori Penjual, penghantaran, kualiti dan proses pengeluaran, termasuk di premis Penjual; keupayaan Penjual untuk memenuhi obligasinya di bawah Perjanjian ini; pematuhan Penjual kepada Undang-undang Terpakai; dan pelaksanaan sebenar Penjual di bawah Perjanjian ini.